

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH

KERATAN : Utusan Berneb TARikh : 21.09.2014  
M/S : (A3)

# Penulisan kreatif makin dipinggir

## ► Usaha berterusan perlu dilakukan bagi martabatkan kesusasteraan

Oleh SURAIDAH ROSLAN

KOTA KINABALU: Melihat industri penulisan kreatif semakin dipinggirkan apabila berhadapan dengan arus pemodenan, usaha berterusan perlu dilakukan dalam memastikan kesinambungan dan kelangsungan dunia penulisan kreatif agar tidak lenyap ditelan zaman.

Menyatakan hal ini, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Jainab Ahmad Ayid berkata, penulisan kreatif adalah hasil seni yang mempunyai keunikan tersendiri dan ia harus dikekalkan bagi memastikan dunia kesusasteraan tidak lenyap begitu sahaja hingga generasi baharu tidak lagi mengenalinya.

Oleh itu, beliau memuji usaha penganjuran Simposium Penulis Wanita Sabah 2014 yang dilihat akan membantu melestarikan seni karya kreatif yang mampu menyemarakkan kecintaan terhadap warisan bangsa yang tidak ternilai harganya.

"Penulisan kreatif bukan sahaja dapat mengingatkan kita kepada khazanah kesusasteraan lamatetapi juga membolehkan kita mempelajari seni khazanah itu agar sentiasa subur dan tidak tenggelam dibawa arus pemodenan."

"Usaha seperti ini mampu memberikan kesan dan impak dalam usaha menimbulkan minat penulis terhadap dunia kesusasteraan agar tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas," katanya dalam ucapan yang dibacakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk

Siti Sapoo Ahok, semasa Majlis Penutupan Simposium Penulis Wanita Sabah 2014, di Dewan Bahasa dan Pustaka, di sini kelmarin.

Jainab berkata, adalah diharapkan agar penganjuran majlis seperti itu mampu memberi kesedaran dalam kalangan wanita agar tidak memperlekeh sastera tanah air.

Beliau berharap peserta yang menyertai simposium itu akan terus menyemarakkan semangat kecintaan terhadap penulisan kreatif agar membuatkan hasil yang membanggakan.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) Datuk Mariati Robert berkata, simposium itu antara lain bertujuan untuk menghimpunkan penulis wanita di negeri ini untuk sama-sama berkongsi kepelbagai bentuk penulisan dan mendokumentasikan hasil karya penulisan.

Program yang dianjurkan sebagai pengisian sempena sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri 2014 itu juga dianjurkan untuk mempromosikan penulis wanita yang telah mencapai kejayaan dalam bidang penulisan.

Katanya, program seumpama itu dianjurkan bagi memartabatkan semula bidang kesusasteraan yang semakin terpinggir disebabkan arus pembangunan.

"Untuk itu, usaha perlu dilakukan bagi memastikan dunia kesusasteraan masih mendapat tempat di hari masyarakat. Dengan itu, diharappelaksanaansimposium ini menjadi wadah pelestarian dunia kesusasteraan,"

katanya.

Dalam majlis itu, tiga anugerah khas turut disampaikan sebagai penghargaan kepada sumbangan penulis wanita di negeri ini.

Anugerah-anugerah itu adalah Anugerah Srikandi Kencana yang diberikan kepada Datuk Noraini Datuk Seri Panglima Salleh; Anugerah Srikandi Media dianugerahkan kepada Azizah Itam dan yang terakhir adalah Anugerah Srikandi Kreatif yang diterima oleh Azmah Nordin.

Turut hadir dalam majlis itu adalah Pengarah Dewan Bahasa & Pustaka Asmiah Ajamain, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah Fatimah Jafar.



**SITI** Sapoo (tiga kiri), Asmiah (kiri), Mariati (dua kanan), Fatimah (kanan) bergambar bersama penerima-penerima anugerah Azizah (empat kanan) dan Azmah (lima kanan).